

Soalan No: 71

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG]****TARIKH : 2.8.2017****SOALAN :**

Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif yang diambil pihak Kementerian menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) melibatkan agensi Kerajaan berkaitan dalam mengatasi masalah penglibatan pelajar sekolah dalam aktiviti kongsi gelap yang secara tidak langsung menyebabkan jenayah buli terus menular di peringkat sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam melaksanakan program *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) melalui Program Remaja Berwawasan. Murid-murid yang dikenal pasti bermasalah disiplin termasuk kes buli dan mencuba dadah dipilih untuk mengikuti program ini. Murid yang terlibat akan diberikan latihan berbentuk teori dan fizikal secara berterusan dengan menggabungkan kepakaran dan kemahiran tenaga anggota tentera dan polis. Program ini dijalankan

sepanjang tahun dan perjumpaan sebanyak 12 kali setahun menggunakan peruntukan masa kokurikulum Pasukan Badan Beruniform (PBB).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu disiplin murid termasuk kongsi gelap dan buli melibatkan banyak faktor termasuk di luar sekolah. Oleh itu, mekanisme permuafakatan telah digunakan untuk melahirkan murid bukan sahaja cemerlang akademik tetapi juga mempunyai sahsiah terpuji. Peranan ibu bapa di peringkat sekolah dipertingkatkan melalui program Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti di peringkat sekolah. Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah juga telah diarahkan menubuhkan Jawatankuasa Task Force Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta di semua peringkat.